

al-Mu'tazilah dan Hubung Kaitnya dengan *Mihnah Khalaq al-Qur'an*

BITARAVolume 1, Issue 3, 2018: 053-057
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[al-Mu'tazilah and its Relation to the al-Qur'an's *Mihnah Khalaq* (Ordeal regarding the Creation of al-Qur'an)]

Muhamad Aidil Zali¹, Mohd Nor Adli Osman¹, Mohamad Adnin Yahya¹,
Muhamad Rozaimi Ramle¹ & Roshimah Shamsudin¹

Abstrak

Mihnah khalaq al-Qur'an merupakan peristiwa yang menjadi perdebatan dalam kalangan pihak penguasa kerajaan dengan sarjana Islam. Perdebatan tersebut adalah berkisarkan tentang sama ada al-Qur'an itu makhluk atau sebaliknya. Maka pemerintah ketika itu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tercetusnya peristiwa hitam itu. Justeru, penulisan ini dihasilkan untuk melihat bagaimana pemerintah ketika itu memainkan peranan terhadap peristiwa ini. Kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif dengan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan penulisan ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa peristiwa ini telah dinyalakan api kemarahannya semasa zaman al-Ma'mun al-Rashid dan berakhir semasa zaman al-Mutawakil. Ilmu ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri agar dapat melihat pegangan golongan al-Mu'tazilah terhadap *mihnah* ini yang ditunjangi oleh pemerintah ketika itu.

Kata Kunci

al-Mu'tazilah, *mihnah*, *Khalaq al-Qur'an*.

Abstract

The al-Qur'an's *Mihnah Khalaq* (Ordeal regarding the Creation of al-Qur'an) is an event that has been debated between government authorities and Islamic scholars. The argument is on whether or not the Qur'an is a living thing. And the government was entirely responsible for the blackout at the time. Thus, the writing is established to see if the government played a part in the case. This analysis uses techniques of qualitative examination by reviewing documents relevant to this writing. The findings of this study indicate that this incident ignited the enragement during the period of al-Ma'mun al-Rashid and ended during the period of al-Mutawakil. This knowledge has its meaning in order to see the grip of al-Mu'tazilah on this *mihnah* led by the government of the time.

Keywords

al-Mu'tazilah, *mihnah*, *Khalaq al-Qur'an*.

Cite This Article:

Muhamad Aidil Zali, Mohd Nor Adli Osman, Mohamad Adnin Yahya, Muhamad Rozaimi Ramle & Roshimah Shamsudin. 2018. al-Mu'tazilah dan hubung kaitnya dengan *mihnah khalaq al-Qur'an*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(3): 053-057.

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.

Corresponding Author:

Mohd Nor Adli Osman, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
E-mail: abuamjad1@ymail.com

Pengenalan

Kerajaan ‘Abbasiyyah adalah kerajaan yang terkenal dengan zaman keemasan Islam. Ramai para tokoh dan kitab-kitab telah dihasilkan yang telah diwarisi sehingga ke zaman kini. Walaupun begitu, tidak ramai dalam kalangan kita untuk mengemukakan peristiwa *khalaq al-Qur’an* yang menjadi pertikaian selama 15 tahun sewaktu golongan al-Mu‘tazilah menguasai pemerintahan. Ianya bermula ketika di pertengahan zaman pemerintahan al-Ma‘mum al-Rashid sehinggalah kepada pemerintahan al-Mutawakkil menaiki takhta pemerintahan. Peristiwa ini mempunyai hubungan kuat dengan masalah akidah sehingga menyebabkan ramai para sarjana agama tersisa dengan peristiwa ini. Seheinggakan para pemerintah al-Mu‘tazilah meletakkan dan menyatakan al-Qur’an itu sebagai makhluk dalam dasar pemerintahan kerajaan al-Mu‘tazilah ketika itu.

Pengertian *Mihnah*

Al-Mihnah bermaksud *al-baliyah* atau *al-ikhtiyar* iaitu ujian, atau cubaan atau bencana. Sedangkan *al-Mihnah* dalam erti kata lain bermaksud *ma yantahinu bihi al-insan min baliyatih* yang bermaksud apa yang menjadi ujian bagi manusia berupa cubaan hidup (Rochimah 2012). *Al-Mihnah* juga mempunyai pengertian tertentu apabila dihubungkan dengan ujian dan penderitaan yang diterima oleh *muhaddithin, fuqaha*, pembesar negara, dan hakim pada masa *mihnah khalaq al-Qur’an*. Hal ini disebabkan oleh keteguhan mereka mempertahankan pendapat yang mengatakan bahawa al-Qur’an bukanlah makhluk (Rochimah 2012).

Sejarah *Mihnah Khuluq al-Qur’an*

Seperti yang telah dijelaskan, peristiwa ini berlaku semasa zaman kerajaan Bani Abbasiyah iaitu selama tempoh 15 tahun teretusnya peristiwa ini. Peristiwa *mihnah khalaq al-Qur’an* ini terjadi ketika Yazid ibn Harun wafat dan digantikannya Yahya ibn Aksan oleh Ahmad ibn Daud, seorang tokoh al-Mu‘tazilah (Abu Zahrah 1996). Ianya berlaku pada zaman ‘Abbasiyyah di pertengahan era pemerintahan al-Ma‘mun ibn al-Rashid sehingga zaman pemerintahan al-Mutawakkil ibn al-Mu‘tasim. Apabila al-Mutawakkil diangkat menjadi khalifah, barulah keadaan ini menjadi terkawal. Ini disebabkan al-Mutawakkil mengeluarkan perintah agar menghubungkan kaitkan al-Qur’an dengan makhluk, tidak lagi digunakan. Maka berakhirlah *mihnah* yang telah memenjarakan manusia (Abu Ghudah 2015)

Pencetus Peristiwa

Golongan al-Mu‘tazilah adalah golongan yang bertanggungjawab terhadap peristiwa hitam ini (Rochimah 2012). Mereka merupakan kelompok aliran yang berfikiran rasional. Mereka menyusun konsep-konsep pemikiran secara sistematik dan falsafah dalam memahami ajaran Islam. al-Mu‘tazilah telah menafikan sifat-sifat *ma’ani* bagi zat Allah S.W.T iaitu *qudrah, iradah, sama’, basar, dan kalam* (Abu Zahrah 1996)

al-Mu'tazilah yang berteras pemikiran yang muncul pada abad pertama hijrah di Basrah, pada awalnya ia merupakan gerakan reaksi terhadap kaum Khawarij yang sangat keras dan fanatik, mahupun terhadap cara kaum Murji'ah berpolitik. Namun dalam perkembangannya, pemikiran aliran ini lebih banyak menggunakan kaedah dan logik Yunani. Apabila aliran ini berada di dalam pemikiran Islam ianya dianggap sebagai rasional dan liberal. Corak dan daya tarikan tersendiri dalam kalangan intelektual, terutama dari kalangan pemerintah Islam pada permulaan abad ke-9M, khususnya pada zaman Khalifah 'Abbasiyyah. Bahkan al-Ma'mun, yang merupakan khalifah 'Abbasiyyah pada ketika itu telah menetapkan mazhab al-Mu'tazilah sebagai pegangan akidah rasmi negara.

Rentetan daripada aliran mazhab al-Mu'tazilah yang dijadikan pegangan aqidah rasmi negara, ianya tidak dapat lari daripada tujuan untuk kepentingan politik negara. al-Mu'tazilah kemudiannya dipergunakan sebagai alat politik untuk mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan. Hal ini jelas daripada pelaksanaan *mihnah* yang pada awalnya hanya dipergunakan untuk mencari persamaan pandangan atau ajaran dengan golongan-golongan yang lain. Namun setelah itu, aliran pemikiran al-Mu'tazilah ini bertukar kepada satu kewajiban dan paksaan kepada golongan-golongan lain untuk berpegang kepadanya. Hal ini dapat dilihat dalam senario yang berlaku terutamanya jika mencabar kredibiliti khalifah. Kewajipan untuk berpegang kepada ajaran dan aliran ini selalunya dilakukan dengan kekerasan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas penulis dapat menyimpulkan bahawa falsafah al-Mu'tazilah telah mencetuskan fenomena baru dalam senario pemikiran masyarakat pada ketika itu. Aliran pemikiran ini diterima secara paksa oleh penguasa pada ketika itu yang juga merupakan cendiakawan al-Mu'tazilah. Lantaran itu, muncullah satu aliran pemikiran baru yang didominasi oleh al-Ma'mun yang juga merupakan pemerintah pada yang pada ketika itu. Dengan yang demikian al-Mu'tazilah dilihat telah berjaya muncul di tengah kaum Khawarij dan Murji'ah dalam permasalahan ini. Ia juga dilihat mempunyai daya penarik yang tersendiri di kalangan intelektual dan pemerintah Islam pada permulaan abad-9H, khususnya pemerintah 'Abbasiyyah, sehingga kita melihat di dalam sejarahnya al-Ma'mun menetapkan Mu'tazilah sebagai mazhab rasmi negara selepas beliau menjawab jawatan khalifah Bani Abbasiyah.

al-Ma'mun dan al-Rashid

Tidak dapat dinafikan al-Ma'mun al-Rashid adalah seorang luas ilmu pengetahuannya. Malahan beliau adalah salah seorang yang mahir dalam ilmu hadith dan ilmu fiqh. Ketika meningkat dewasa, beliau banyak menumpukan perhatian kepada ilmu falsafah yang mula berkembang di Yunani sehingga menjadikannya seorang yang pakar dalam ilmu ini. Beliau memiliki sejarah hidup yang panjang dan penuh dengan kebaikan. Akan tetapi, ianya sedikit tercemar dengan satu peristiwa menggemparkan ketika beliau mengatakan bahawa al-Qur'an itu adalah makhluk. Pada tahun 212H, al-Ma'mun secara terang-terangan menyatakan dua pendirian beliau iaitu al-Qur'an adalah makhluk dan juga 'Ali ibn Abi Talib adalah lebih utama daripada Abu Bakar al-Siddiq dan 'Umar al-Khattab. Akibatnya kaum muslimin berasa kesal terhadap pernyataan itu dan hampir-hampir sahaja mengundang kepada bencana besar. Akhirnya, rakyat telah melakukan protes keras terhadap al-Ma'mun dan seterusnya menghentikan idea-idea kontroversi yang dicituskannya (Abu Zahwun 1984). Al-Ma'mun di bawah pengaruh Bishr al-Marisi telah mengisytiharkan Mu'tazilah sebagai doktrin atau fahaman

rasmi Negara dengan melakukan kekerasan terhadap siapa sahaja yang bercanggah dengan ideologinya. Doktrin utama adalah al-Qur'an sebagai makhluk.

Abi Ishaq al-Mu'tashim ibn Harun

Setelah kewafatan al-Ma'mun pada 18 Rejab 218H, pemerintahan beliau telah disambung oleh saudaranya iaitu al-Mu'tasim sebagai pemerintah kelapan kerajaan 'Abbasiyyah. Tidak seperti saudaranya yang cintakan ilmu pengetahuan, al-Mu'tasim seorang yang terlalu cenderung menyenangkan pihak tentera dan kurang suka akan ilmu pengetahuan. Al-Mu'tasim menyeksa siapa sahaja yang membangkang ideologi negara hingga beberapa orang dijatuhi hukuman mati. Antara yang paling hebat menerima ujian ialah Ahmad ibn Hanbal yang merupakan tokoh paling menderita. Walau bagaimanapun, beliau masih terselamat daripada kematian kerana al-Mu'tasim khuatir terhadap kebangkitan para pendukung imam mazhab ini yang mengancam kestabilan serta keamanan negara. Dengan sebab itu Ahmad ibn Hanbal dibebaskan dari penjara setelah dipenjarakan selama 28 bulan (Saifudin & Nurul Mazidah 2012).

Ahmad ibn Hanbal terkenal sebagai tokoh sangat mempunyai pendiriannya yang kuat dan tidak mudah untuk beliau mengikuti penjajahan pemikiran oleh pihak lain dengan secara paksaan walaupun daripada pemerintah. Beliau juga menolak setiap cadangan atau pujukan agar mengakuinya atas dasar *taqiyah*. *Taqiyah* adalah sikap 'kewaspadaan' dalam pemikiran kaum Syi'ah. Hakikatnya selepas kewafatan al-Mu'tasim pada tahun 227H, pegangan ini turut diteruskan oleh al-Wasiq sehinggalah beliau wafat pada tahun 232H dan berada di penghujungnya peristiwa ini semasa awal pemerintahan zaman al-Mutawakkil pada tahun 232H selepas beliau mengambil alih pemerintahan dari al-Wasiq yang wafat tahun itu.

Penerapan *Khalaq al-Qur'an* Sebagai Mazhab Rasmi al-Mu'tazilah

Khalifah Al-Ma'mun adalah khalifah yang pertama mencetuskan *mihnah* (Abu Zahrah 1996). Beliau adalah penguasa kerajaan 'Abbasiyyah yang sangat tertarik kepada ilmu pengetahuan dan falsafah. Beliau cenderung berfikir bebas dan rasional, yang merupakan perkara yang boleh membawanya semakin dekat kepada pemikiran dan para tokoh aliran al-Mu'tazilah. Sebagai pengikut yang fanatik, al-Ma'mun rasa terpenggil untuk melaksanakan salah satu dari 'Lima Prinsip Pokok' (*al-usul al-khamsah* bagi ajaran al-Mu'tazilah), iaitu *al-amr bi al-ma'arif wa al-nahy 'an al-munkar* secara bersungguh-sungguh dengan menggunakan tangan kekuasaan yang dimilikinya.

Sehingga peristiwa tersebut berjaya diterapkan adalah dari kesan daripada salah satu doktrin al-Mu'tazilah. Lebih daripada itu, oleh kerana kerajaan 'Abbasiyyah menggunakan sistem teokrasi, para khalifah merasai diri mereka bertanggung jawab untuk menjaga keimanan (akidah) umat dari fahaman syirik serta mengembalikannya kepada fahaman tauhid yang murni yang sesuai dengan tuntutan al-Qur'an yang dikehendaki kepada seluruh muslim. Sebenarnya, dalam waktu yang tidak lama setelah memegang takhta khalifah, al-Ma'mun telah pun bertekad untuk memasyarakatkan pemikiran kemakhlukan al-Qur'an melalui era *al-mihnah*. Akan tetapi beliau sangat khuatir langkah politiknya itu akan mengganggu pemulihan kesatuan rakyat yang telah terpecah belah selepas kegemilangannya pasca kewafatan Harun al-Rashid. Oleh

demikian, rancangan tersebut ditangguhkan. Setelah melewati enam tahun masa pemerintahannya dan atas desakan dari tokoh-tokoh utama Mu'tazilah seperti Thumamah ibn al-'Ashrash dan Ahmad ibn Abi Du'ad (dua orang penasihat kerajaan), al-Ma'mun telah menzahirkan hasratnya itu sebagai aliran pemahaman rasmi negara (Rochimah 2012).

Di penghujung masa kekuasaannya (sekitar 4 bulan menjelang wafat) al-Ma'mun memerintahkan beberapa orang gabenornya untuk memanggil hakim dan ulama serta memaksa mereka agar mengakui di depan umum bahawa al-Qur'an itu makhluk. Surat pertama dikirimkan kepada gabenor di Baghdad iaitu Ishak ibn Ibrahim, pada bulan *Rabi' al Awal* 218H/833M. Isinya berupa perintah melaksanakan pemeriksaan terhadap setiap pejabat dalam negara, dan para hakim, mengenai pandangan mereka mengenai masalah kitab suci al-Qur'an, dengan ancaman akan dipecat jawatan bagi yang menolak dan menjanjikan ganjaran bagi yang patuh (al-Tabari 2009).

Ternyata sebahagian besar pegawai kerajaan mematuhi mazhab pemerintah, yang dibuktikan dengan kesediaan untuk bersetuju dengan pendirian pemerintah mereka berhubung kemakhlukan al-Qur'an tersebut. Alasan kepatuhan itu adalah kerana mereka tidak mempunyai cukup pendirian untuk memberanikan diri menentang. Sekaligus menanggung akibat daripada pemecatan jawatan mereka dalam kerajaan, yang mengakibatkan hilangnya sumber bagi kehidupan mereka (Saifudin 2012). Dasar yang dikeluarkan oleh al-Ma'mun ini adalah kerana beliau merasakan kewajipan sebagai seorang khalifah untuk memelihara kemurnian agama dan menegakkan kebenaran dalam lingkungan rakyat. Untuk itu semua pembesar-pembesar negara mahupun hakim atau *qadi* haruslah memiliki tauhid yang benar (Rochimah 2012).

Kesimpulan

Hakikatnya peristiwa hitam ini jarang dibahaskan kepada masyarakat, ironinya kita melihat para sarjana Islam terpaksa bertarung pendirian untuk menyatakan bahawa al-Qur'an itu bukanlah makhluk, seperti mana yang telah dihadapi oleh Imam Ahmad. Maka kita melihat al-Ma'mun adalah seorang pemerintah yang bertanggung jawab menghidupkan api akidah ini yang seterusnya dimarakkan lagi oleh pemerintah selepasnya iaitu al-Mu'tasim dan al-Wasiq.

Rujukan

- Abu Ghuddah, 'Abd al-Fattah. 2015. *Masalah Khalaq al-Qur'an wa Atharuha fi Syufufi al Ruwah wa al-Muhaddithin wa Kutub al-Jarh wa al-Ta'dil*. Bayrut: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Abu Zahrah. 1996. *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Abu Zahwun, Muhammad Muhammad. 1984. *al-Hadith wa al-Muhaddithin au 'Inayah al-Ummah al-Islamiyah bi al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabiyyah.
- al-Dhahabi, Sham Din ibn Ahmad. 2006. *Siyar A'lam al-Nubala'*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Rochimah. 2012. Tragedi *al-mihnah* studi kasus pada masa pemerintahan al-Ma'mun. *al-Manar: Jurnal Sejarah dan Peradaban Islam* 6(2): 1-17.
- Saifudin, Zuhri & Nurul Mazidah. 2012. Relasi Kuasa dalam Peristiwa Mihnah Pada Masa Khalifah al-Ma'mun, *SUHUF* 18(1): 85-98.
- al-Tabari, Muhammad ibn Jarir, 2009. *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. al-Qahirah: al-Nahdah.